

**KAJIAN TERHADAP KESEDARAN KEMPEN KITAR  
SEMULA DI KALANGAN PENDUDUK BANDARAYA  
KUCHING**

**OLEH:**

**SABRINA MAHILI SAABA**

**SURAINI BINTI MELLIE**

**POULA PETRE SAKA**

**NOORLIZA HASSAN**

**BONNEY OWEN EDDY**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK**

**SEPTEMBER 2002**

## **SURAT PENYERAHAN**

Diploma Pentadbiran Awam  
Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang  
UiTM Kampus Samarahan  
Jalan Meranek  
94300 Kota Samarahan.

1, SEPTEMBER, 2002

Encik Nicholas Amin  
Pensyarah PAD 340  
Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang  
UiTM Kampus Samarahan  
94300 Kota Samarahan.

Tuan,

Laporan Bagi Kajian Terhadap Kesedaran Kempen Kitar Semula Di Kalangan Penduduk  
Bandaraya Kuching.

Dengan suka cita kami menyerahkan laporan mengenai Kajian Terhadap Kesedaran Kempen Kitar Semula Di kalangan Penduduk Bandaraya Kuching ini kepada pihak Tuan untuk membuat penilaian dan komen-komen seperti mana yang di kehendaki bagi memenuhi syarat kajian Pentadbiran dan Undang-Undang.

## SENARAI KANDUNGAN

<i>Isi kandungan</i>	<i>Mukasurat</i>
Surat Penyerahan	i
Penghargaan	iii
Abstrak	vi
Kandungan	
<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>
1.0	Pengenalan Kepada Kajian 1
1.1	Latarbelakang Kajian 3
1.2	Objektif Kajian 6
1.3	Skop Kajian 7
1.4	Metodologi Kajian 8
1.5	Batasan Kajian 14
1.6	Penyata Masalah 16
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR DAN HIPOTESIS</b>
2.0	Tinjauan Literatur 19
2.1	Hipotesis Kajian 27
2.2	Ujian Hipotesis 28

## ABSTRAK

Kini, di dalam mengharungi era globalisasi yang kian pesat ini, negara bukan saja perlu peka terhadap perkara yang berkaitan dengan hal ehwal dalam negeri. Malahan, negara juga perlu peka terhadap rakyatnya. Rakyat perlu hidup dalam keadaan yang sihat untuk memastikan bahawa mereka dapat menjalankan tugas-tugas harian mereka. Apa yang dimaksudkan di sini ialah tentang keadaan alam sekitar sesebuah negara tersebut. Tidak bermaknalah segala pembangunan dan kejayaan yang dikecapi dengan keadaan negara yang dilihat kurang menyenangkan. Dapatlah dilihat di sini bahawa betapa pentingnya keadaan alam sekitar di dalam memberi imej yang baik terhadap negara tersebut. Di negara kita sendiri amnya, menghadapi masalah mengenai keadaan alam sekitar yang berpunca dari sikap rakyatnya sendiri. Oleh itu, segala langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini perlu diambil segera. Langkah-langkah yang dimaksudkan antaranya ialah mengamalkan kempen kitar semula dimana telah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Maka, kertas ilmiah yang bertajuk “Kajian Terhadap Kesedaran Kempen Kitar Semula di Kalangan Penduduk Bandaraya Kuching” ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauhmana keberkesanan kempen kitar semula yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan khususnya di bandaraya Kuching. Selain itu juga, kertas kajian ini adalah bertujuan untuk menilai tahap kesedaran penduduk terhadap amalan kitar semula. Dapat dilihat bahawa, di dalam mengejar pembangunan di dalam era globalisasi ini, rakyat semakin lupa dan lalai akan tanggungjawab mereka terhadap alam sekitar. Mereka tidak sedar bahawa akibat dari kelalaian mereka ini akan menyebabkan implikasinya berbalik semula kepada mereka sendiri. Dan sehubungan itu juga, kajian ini adalah bertujuan untuk menilai kesungguhan pihak berkuasa tempatan di dalam menjayakan kempen kitar semula di bandaraya Kuching khususnya. Se jauhmana langkag-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan dapat dipraktikkan dan seterusnya diterapkan terus kepada penduduk bandaraya Kuching. Walaupun negara kita telah mencapai kejayaan terutamanya di dalam bidang pembangunan, tidak bermaknalah jikalau rakyatnya hidup dalam rakyatnya hidup di dalam keadaan yang tidak sihat. Masalah sampah sarap di merata-rata tempat dan juga masalah kawasan untuk pelupusan juga semakin berkurangan adalah implikasi daripada sikap individu itu sendiri yang endah tak endah di dalam hal ini. Oleh itu, jelaslah bahawa langkah-langkah perlu untuk mengatasi masalah sampah yang semakin merunsingkan ini harus dilaksanakan serta merta dan dijalankan secara berterusan. Dan langkah-langkah yang dimaksudkan ialah dengan mengamalkan amalan kitar semula. Maka dengan itulah lahirnya idea untuk kumpulan kami menjalankan kajian terhadap keberkesanan kempen kitar semula terutamanya untuk penduduk bandaraya Kuching.

## 1.2 Objektif Kajian

Setiap kajian sememangnya mempunyai objektif tersendiri agar kajian yang dijalankan tidak tersasar terlalu jauh atau terkeluar tajuk. Untuk kajian ini kami telah menetapkan objektif kajian seperti berikut:-

- 1.2.1. Mengkaji keberkesanan kempen kitar semula khususnya di Bandaraya Kuching.
- 1.2.2. Menilai tahap kesedaran penduduk Bandaraya Kuching terhadap amalan kitar semula.
- 1.2.3. Menilai kesungguhan pihak berkuasa tempatan dalam menjayakan kempen kitar semula di Bandaraya Kuching.
- 1.2.4. Mencadangkan strategi yang boleh membantu meningkatkan kesedaran rakyat terutamanya penduduk di Bandaraya Kuching terhadap perlunya mengamalkan kempen kitar semula ini.